

**KESALAHAN LELAKI BERPAKAIAN WANITA ATAU MENYERUPAI WANITA
(TASYABBUH): ISU DAN CADANGAN PENYELESAIAN**

Rositah Kambol*

Fakulti Undang-undang, Governan dan Hubungan Antarabangsa
Kolej Universiti Islam Melaka
rositah@kuim.edu.my

**Corresponding author*

Received Date: 30 September 2020 Accepted Date: 2 November 2020 Published Date: 24 December 2020

ABSTRAK

Lelaki berpakaian wanita atau menyerupai wanita (*tasyabbuh*) adalah merupakan satu kesalahan yang termaktub di bawah Undang-undang Syariah di mana bidang kuasa untuk mengadili kes-kes ini adalah diletakkan di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah. Kesalahan ini sering diperkatakan oleh masyarakat Muslim di Malaysia kerana melibatkan golongan transgender atau mak nyah, Penulisan ini bertujuan untuk mengetengahkan isu lelaki berpakaian wanita atau menyerupai wanita (*tasyabbuh*) secara lebih terperinci dalam usaha untuk memelihara kesucian agama Islam dan memastikan imej baik negara Malaysia di mata dunia Islam dipelihara. Undang-undang sedia ada dilihat seolah-olah kurang berkesan bagi menangani beberapa isu yang berbangkit. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini ialah kajian kepustakaan iaitu dengan menganalisis dokumen-dokumen perundangan sedia ada, artikel, jurnal serta penulisan ilmiah berkaitan. Pada awalnya penulis mendefinisikan maksud transgender secara ringkas dan membincangkan konsep dan hukum berkaitan kesalahan lelaki berpakaian wanita atau menyerupai wanita menurut perspektif Islam serta mengupas beberapa isu berbangkit berkaitan kesalahan ini. Kajian ini dibuat berdasarkan beberapa sumber sekunder bagi mengukuhkan kajian yang boleh digunakan untuk kajian lanjut. Di akhir kajian, penulis mengutarakan beberapa cadangan yang sesuai yang boleh diambil bagi menangani permasalahan yang timbul berkaitan kesalahan ini.

Kata Kunci: Kesalahan Lelaki Berpakaian Wanita, Transgender, Rentas Sempadan, Bidang Kuasa Mahkamah, Jenayah Rentas Sempadan

THE OFFENCE OF MAN DRESSING AS A WOMAN OR RESEMBLING A WOMAN (TASYABBUH): LEGAL ISSUES AND RECOMMENDATIONS

ABSTRACT

Man dressing as a woman or resembling a woman (Tasyabbuh) is an offence enshrined under Shariah Law where the jurisdiction to adjudicate this case is placed under the jurisdiction of the Syariah Court. This offence is often talked about by the Muslim community in Malaysia because it involves transgender people or 'mak nyah'. This article aims to highlight several legal issues pertaining to this offence in an effort to preserve the sanctity of Islam and the good image of Malaysia in the eyes of the Muslim world. Existing laws seem to be less effective in addressing this issue. The methodology used in this study is the study of the library that is by analyzing the existing legal documents, articles, journals and related scholarly writing. At first the author briefly defines the meaning of transgender or 'mak nyah' and discusses the concept of man dressed as woman offence or resembling woman and vice versa (tasyabbuh) according to Islamic perspective and related legal issues in more depth. This study was made based on several secondary sources to strengthen the study that can be used for further study. At the end of the study, the author makes some appropriate suggestions that can be taken to address the problems that arise related to this offence.

Keywords: *Man Dressed as A Woman Offence, Transgender, Tasyabbuh, Court's Jurisdiction, Cross Border Offence*

PENDAHULUAN

Isu seorang usahawan kosmetik Muslim yang memakai telekung ketika menunaikan umrah yang tular baru-baru ini mendapat reaksi pelbagai pihak termasuk menteri dan juga pemimpin-pemimpin masyarakat. Isu ini menerbitkan rasa kurang senang di kalangan orang ramai kerana beranggapan usahawan tersebut yang merupakan seorang transgender telah mencemarkan kesucian agama Islam dan membawa imej negatif kepada negara di saat seluruh negara Islam menghormati Malaysia kerana memiliki pengurusan haji dan umrah yang cekap. Rata-rata ahli masyarakat mengharapkan bahawa perbuatan individu tersebut perlu di bendung dan dikenakan tindakan yang bersesuaian, menurut peruntukan undang-undang sedia ada. Wujud pelbagai isu yang berkaitan dengan kesalahan ini yang perlu di ambil perhatian dan ditangani sewajarnya. Isu-isu yang timbul boleh menjejaskan keberkesanan pelaksanaan peruntukan dalam undang-undang yang ada di negara ini dan dikatakan belum mencukupi untuk membolehkan tindakan undang-undang diambil terhadap individu yang melakukan kesalahan tersebut.

Lelaki berpakaian wanita atau menyerupai wanita (*tasyabbuh*) adalah merupakan kesalahan akhlak yang secara umumnya adalah kesalahan jenayah yang diperuntukkan di bawah undang-undang syariah. Di Malaysia, undang-undang yang mengawal selia perlakuan orang-orang Islam dan perkara-perkara yang berkaitan dengan hukum syarak diletakkan di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah. Perlembagaan Persekutuan memberi kuasa kepada setiap negeri untuk menggubal undang-undang syariah dan mewujudkan mahkamah syariahnya yang tersendiri (Perlembagaan Persekutuan, Jadual 9). Secara khususnya kesalahan lelaki berpakaian wanita telah diperuntukkan di bawah akta/enakmen/ordinan Kesalahan Jenayah Syariah di setiap negeri yang melibatkan pelaku jenayah yang beragama Islam.

Lelaki yang berpakaian seperti wanita atau menyerupai wanita (*tasyabbuh*) di Malaysia di anggap sebagai *transgender*. Diagnosis yang diberikan untuk golongan ini, ialah terarah kepada jantina berlawanan dengan dirinya, samada dari segi permainan, perwatakan berlawanan, cara dan gaya berpakaian. Ketidakselesaian dengan jantina yang ada dalam dirinya menyebabkan golongan ini lebih suka dengan jantina yang berlawanan (Amran, H, *et al*, T.Th). Terma lain yang biasa digunakan ialah *maknyah* atau *mukhannas*. Terma ini diguna pakai bagi menggambarkan seseorang yang hidup dalam silang jantina tanpa melalui pembedahan pertukaran jantina. Terma *maknyah* ini semakin meluas digunakan pada akhir tahun 1990an sehingga kini untuk orang yang memilih identiti jantina selain daripada yang telah ditentukan oleh Allah sejak lahir. Menurut kajian terdahulu, majoriti '*mak nyah*' adalah kaum Melayu yang ratanya adalah beragama Islam (Chang Lee Wei, 2012). Menurut satu kajian, masyarakat Malaysia secara khususnya mengkritik golongan ini kerana telah menyalahi adat dan agama serta institusi kekeluargaan. Mereka jelas menunjukkan perlakuan gaya hidup songsang sebagai gaya dan corak mereka sendiri. Statistik juga menunjukkan pelbagai gerakan telah wujud, di mana masyarakat Malaysia menganggap bahawa budaya ini merupakan budaya yang tidak sihat (Siti Amirah Akilah A.R. *et al*, 2020).

Menurut Islam, *transgender* merupakan golongan yang mengamalkan amalan songsang dan perlakuan yang bertentangan dengan jantina. Kategori ini boleh dirungkai dengan membawa maksud wanita seperti lelaki atau lelaki seperti wanita. Ini merupakan amalan dan penukaran jantina serta perlakuan yang benar-benar dilarang oleh Islam. (Jabatan Agama Islam Selangor, 2016) Istilah '*mukhannas*' digunakan dalam undang-undang syariah bagi menggambarkan golongan yang dilahirkan pada asalnya sebagai seorang lelaki, namun mempunyai kelembutan seperti wanita, Golongan '*mukhannas*' ini terbahagi kepada dua iaitu '*mukhannas khalqiyy*' iaitu lelaki yang mempunyai ciri-ciri kewanitaan secara semula jadi iaitu mereka yang tidak meletakkan ciri-ciri tersebut dengan sendiri dan mengada-adakannya. Istilah terkini yang digunakan bagi menggambarkan golongan ini ialah '*Gender Identity Disorder (GID)*' atau *Gender Dysphoria (GD)* yang ditakrifkan sebagai kecelaruan gender atau ketidakwarasan gender yang memerlukan bantuan dan rawatan, Manakala golongan yang kedua ialah '*mukhannas ghayr khalqiyy*' iaitu golongan lelaki yang memiliki sifat lembut yang dibuat-buat sehingga menyerupai wanita. Golongan ini adalah golongan yang dilaknat kerana melakukan maksiat dan larangan Allah dengan wujudnya elemen '*tasyabbuh*' (menyerupai) wanita dari sudut pemakaiannya, solekannya, tingkah lakunya dan lain-lain. Lebih mendukacitakan sehingga ada di kalangan mereka yang melakukan pembedahan pertukaran jantina, pengambilan hormon wanita dan terlibat dalam usaha-usaha mengubah ciptaan Allah. Penerangan tentang golongan ini perlu disebarluas agar tidak berlaku kekeliruan dan salah faham dalam masyarakat (Mohd Nasir Abdul Majid, *et al*, 2020).

KESALAHAN LELAKI BERPAKAIAN WANITA ATAU MENYERUPAI WANITA (TASYABBUH) MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Secara literalnya, perkataan *tasyabbuh* berasal dari bahasa Arab, dari akar kata *sya-ba-ha*. Ia merujuk kepada penyerupaan kepada sesuatu, persamaan warna dan sifat. Disebut juga *syibh*, *syabah*, dan *syabih* (Ahmad Faris, 1411H) Menurut Ibn Manzur (1999), iaitu suatu objek itu menyerupai atau menyamai dengan sesuatu yang lain. Dari segi istilah, menurut Imam al-Ghazali, *tasyabbuh* adalah ungkapan yang menunjukkan usaha manusia untuk menyerupakan dirinya dengan sesuatu yang diinginkan dirinya serupa dengan sesuatu tersebut sama ada dalam hal tingkah laku, pakaian, atau sifat-sifatnya. Jadi *tasyabbuh* adalah ungkapan tentang tingkah yang diinginkan dan dilakukannya. Al-Luwayhiq (1417H) menjelaskan *tasyabbuh* sebagai

seseorang yang membebani diri untuk menyerupai selainnya berkenaan dengan segala sifat atau sebagainya. Perkataan “membebani diri” menunjukkan bahawa maksud berkeinginan dan sengaja. Dengan demikian tidak termasuklah segala sesuatu yang tidak sengaja, seperti serupanya seorang lelaki dengan wanita dalam tingkahlaku dan suara kerana tabiat yang tercipta tanpa adanya niat dan keinginan. Ibn Hajar (2013) mentakrifkan *tasyabbuh* atau penyerupaan bermaksud seorang lelaki yang menyerupai perempuan. Dari segi perbahasan *fiqh*, *tasyabbuh* yang bermaksud penyerupaan dalam perkara-perkara seperti berikut:

- i. Pakaian.
- ii. Perhiasan.
- iii. Percakapan dan suara.
- iv. Gaya berjalan dan gerak badan.
- v. Mengubah bentuk fizikal badan.

Islam mengharamkan lelaki berpakaian menyerupai wanita atau berlagak seperti wanita begitu juga sebaliknya wanita juga tidak boleh berpakaian yang menyerupai lelaki. Hukum *tasyabbuh* adalah haram bahkan di anggap sebagai salah satu dosa besar kerana ianya telah dijelaskan dengan nas-nas syar’i bahawa Allah SWT melaknat orang yang melakukannya. Antara dalil-dalil pengharaman *tasyabbuh* adalah Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan aku benar-benar akan menyesatkan mereka, dan akan membangkitkan angan-angan kosong pada mereka dan menyuruh mereka (memotong telinga-telinga binatang ternak), lalu mereka benar-benar memotongnya dan akan aku suruh mereka (mengubah ciptaan Allah), lalu benar-benar mereka mengubahnya. Barang siapa yang menjadikan syaitan menjadi pelindung selain Allah, maka sesungguhnya ia menderita kerugian yang nyata”

(Surah al-Nisa’: 119)

Melalui ayat lain, Allah berfirman yang bermaksud:

“Maka hadapkanlah wajahmu dengan lurus kepada agama (Allah) (tetaplah atas) fitrah Allah yang telah menciptakan manusia menurut fitrah itu. Tidak ada perubahan pada fitrah Allah”

(Surah al-Rūm: 30)

Melalui Sunnah pula, terdapat banyak Hadith menyentuh berkaitan lelaki berpakaian wanita atau menyerupai wanita (*tasyabbuh*) seperti mana hadith Nabi SAW daripada Ibn Abbas r.a yang bermaksud:

“Rasulullah s.a.w melaknat lelaki yang menyerupai perempuan dan perempuan yang menyerupai lelaki”.

(Riwayat al-Bukhari (5885), Abu Daud (4097), al-Tirmizi (2784) & Ibn Majah (1904).

Terdapat juga beberapa fatwa yang ada kaitan dengan kesalahan lelaki berpakaian wanita atau menyerupai wanita dan sebaliknya (*tasyabbuh*) yang telah dikeluarkan oleh badan-badan yang berautoriti (JAKIM, 2015) seperti mana yang berikut:

- i. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan pada April 1982 memutuskan bahawa seseorang dilahirkan lelaki, hukumnya tetap lelaki manakala seseorang dilahirkan

- perempuan, hukumnya tetap perempuan walaupun (lelaki atau perempuan itu) berjaya menukarkan jantainya melalui pembedahan. Pertukaran jantina daripada lelaki kepada perempuan ataupun sebaliknya, melalui pembedahan adalah haram dari segi syarak’.
- ii. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan yang diadakan pada Oktober 2008 memutuskan bahawa *pengkid* iaitu wanita berpenampilan dan mempunyai gerak laku serta naluri seksual seperti lelaki adalah haram di sisi agama.
 - iii. Fatwa yang diwartakan di Perak pada Jun 2010 menyebut bahawa *pengkid* iaitu wanita berpenampilan dan mempunyai gerak laku serta naluri seksual seperti lelaki dan lelaki menyerupai wanita (mak nyah atau pondan) sama ada dari segi pakaian, penampilan dan gerak laku serta naluri seksual seperti wanita adalah haram di sisi Islam.
 - iv. Fatwa yang diwartakan di negeri Melaka dan Kedah juga mengguna pakai keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-83 bertarikh 22 hingga 24 Oktober 2008 yang menyatakan bahawa *pengkid*, iaitu wanita yang berpenampilan dan mempunyai gerak laku serta naluri seksual seperti lelaki adalah haram di sisi Islam.
 - v. Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor yang bersidang pada 5 Zulhijjah 1429H bersamaan 3 Disember 2008M telah membincangkan mengenai Hukum Wanita Menyerupai Lelaki (*Pengkid*) dan mesyuarat menyatakan bahawa *pengkid* iaitu wanita yang berpenampilan seperti lelaki dan melakukan hubungan sejenis sesama mereka adalah haram di sisi Islam.
 - vi. Syeikh Ibn Jibreen juga dalam fatwanya menyatakan haram bagi seorang lelaki untuk menyerupai wanita dan begitu juga wanita yang menyerupai lelaki dari segi pemakaian, pertuturan dan cara berjalan.

PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG BERKAITAN KESALAHAN LELAKI MEMAKAI PAKAIAN WANITA ATAU MENYERUPAI WANITA (*TASYABBUH*)

Setiap negeri di Malaysia melalui enakmen/akta/ordinan Kesalahan Jenayah Syariah negeri masing-masing mempunyai peruntukan undang-undang bagi mengawal kesalahan lelaki memakai pakaian wanita atau menyerupai wanita (*tasyabbuh*) ini. Penulis hanya mengemukakan beberapa peruntukan di bawah akta/enakmen/ordinan bagi membuat perbandingan berkaitan elemen dan hukuman yang diperuntukkan. Wujud beberapa perbezaan berkaitan elemen pembuktian kesalahan berkenaan pada sebahagian negeri seperti mana yang berikut:

Di Melaka, Enakmen 6, Enakmen Kesalahan Jenayah (negeri Melaka) 1991, telah dikuatkuasakan pada 1 Januari, 1992 melalui peruntukan di bawah Seksyen 72 menyebut yang berikut:

“Seseorang lelaki yang memakai pakaian perempuan dan berlagak seperti perempuan di mana-mana tempat awam tanpa alasan yang munasabah adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.”

Di bawah Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 Bahagian IV-Kesalahan Yang Berhubungan Dengan Kesusilaan. Seksyen 28 yang memperuntukkan:

“Mana-mana orang lelaki yang memakai pakaian perempuan dan berlagak seperti perempuan di mana-mana tempat awam atas tujuan tidak bermoral adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.”

Di Kelantan, pula melalui seksyen 7 Enakmen Jenayah 1985 menyebut bahawa:

“Mana-mana orang lelaki yang berpakaian wanita dan bertindak sebagai wanita di tempat-tempat awam akan didapati melakukan kesalahan, dan boleh disabitkan denda yang tidak melebihi seribu ringgit atau dipenjarakan tidak melebihi empat bulan atau kedua-duanya.”

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1995 melalui peruntukan di bawah Seksyen 92 menyebut:

“Seorang lelaki yang memakai pakaian perempuan atau berlagak seperti perempuan atau sebaliknya di mana-mana tempat awam adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan dikenakan hukuman denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.”

Bagi negeri Pahang, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah yang berkaitan kesalahan lelaki berpakaian wanita atau menyerupai wanita dan di sebaliknya disentuh di bawah seksyen 33 dan 34 yang menyebut:

“Mana-mana lelaki yang memakai pakaian perempuan dan berlagak seperti perempuan di mana-mana tempat awam atas tujuan yang tidak berakhlak melakukan satu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.”

“Mana-mana perempuan memakai pakaian lelaki dan berlagak seperti lelaki di mana-mana tempat awam atas tujuan yang tidak berakhlak melakukan satu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.”

Manakala di Sabah melalui seksyen 92 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995 menyebut:

“Seseorang lelaki yang memakai pakaian perempuan atau berlagak seperti perempuan atau sebaliknya di mana-mana tempat awam adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan dikenakan hukuman denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.”

Di Sarawak melalui seksyen 25 Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah 2001 memperuntukkan:

“Mana-mana lelaki yang memakai pakaian perempuan dan berlagak seperti perempuan di mana-mana tempat awam atas tujuan yang tidak bermoral adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.”

ISU-ISU BERKAITAN KESALAHAN LELAKI BERPAKAIAN WANITA ATAU MENYERUPAI WANITA (*TASYABBUH*)

Terdapat beberapa isu yang berkaitan dengan kesalahan lelaki berpakaian wanita atau menyerupai wanita (*tasyabbuh*) yang perlu diambil perhatian. Antaranya ialah:

Isu Undang-Undang Rentas Sempadan

Perbuatan lelaki berpakaian wanita atau menyerupai wanita (*tasyabbuh*) dan menunaikan umrah adalah merupakan perbuatan jenayah syariah yang dilakukan merentas sempadan iaitu jenayah yang dilakukan melampaui sempadan negara atau dilakukan di luar negara. Jenayah ini sukar dibendung kerana ianya berlaku di luar sempadan negara di mana undang-undang negara sedia ada tidak terpakai untuk mengadili kes-kes seumpama yang berlaku kerana di anggap di luar bidang kuasa dan tiada peruntukan bersesuaian. Jenayah rentas sempadan kini menjadi satu fenomena yang boleh mengganggu gugat keamanan, keselamatan individu dan juga negara. Keperluan untuk mengenakan tindakan undang-undang kepada pelaku kesalahan ini adalah sangat mendesak. Apatah lagi jika kesalahan yang dilakukan mencemar kesucian agama Islam dan menjatuhkan imej negara di mata dunia.

Dalam kes terbaru yang melibatkan seorang *transgender* yang memakai telekung sewaktu menunaikan umrah. (*tasyabbuh*) yang berlaku di luar negara baru-baru ini mendapat liputan hangat masyarakat dari segala peringkat kerana di anggap mencemarkan kesucian agama Islam dan menjatuhkan imej negara di mata dunia. Agama Islam telah menyediakan garis panduan yang jelas tentang aurat antara lelaki dan perempuan. Aurat lelaki secara keseluruhannya adalah antara pusat hingga lutut, manakala bagi perempuan yang berhadapan dengan ajnabi (mereka yang dibenarkan berkahwin) adalah semua anggota badan kecuali muka dan tapak tangan. Dalam konteks golongan mak nyah atau *transgender*, batasan aurat masih mengikut jantina asal namun penampilan mereka adalah bertentangan. Isu aurat ini perlu difahami kerana ia menimbulkan konflik dalam pelaksanaan ibadah dan muamalat seperti solat, puasa dan pembahagian harta pusaka. Golongan *transgender*, lelaki menyerupai perempuan, tidak boleh berjemaah bersama kaum perempuan dan sebaliknya. Mengulas berkaitan isu *transgender* berpakaian wanita atau menyerupai wanita dengan bertelekung sewaktu mengerjakan umrah, Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr. Zulkifli Mohamad al-Bakri, mengatakan bahawa hukum perbuatan golongan *transgender* (*mukhannas*) menunaikan umrah secara tidak mengikut jantina asal mereka, adalah haram dan dikira berdosa sekalipun mematuhi rukun (Berita Harian, 4 Februari, 2020). Ini bertepatan dengan Resolusi Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan Kali Ke-28 Musim Haji 1433H dalam kertas kerja bertajuk Khunsa Dan Mukhannas Dalam Permasalahan Ibadat Haji.

“Muzakarah menyimpulkan bahawa bagi mukhannas semula jadi atau yang disengajakan, telah melakukan pembedahan tukar jantina atau tidak dan kes menukar jantina dengan melakukan pembedahan bukan disebabkan keharusan

syarak, maka hukum individu itu termasuk ibadat haji dan umrah hendaklah mengikut hukum asal kejadian dirinya”.

Masalah timbul apabila pelaku yang melakukan kesalahan di luar sempadan ini sukar diambil tindakan kerana bidang kuasa mahkamah syariah tidak menjangkau kes-kes jenayah syariah yang berlaku di luar sempadan. Tidak ada peruntukan dalam undang-undang syariah di negara ini yang membolehkan tindakan undang-undang diambil kerana undang-undang syariah adalah terbatas dan tertakluk di bawah bidang kuasa tempatan sesebuah negeri sahaja sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan.

Di bawah undang-undang Sivill, terdapat beberapa statut yang boleh dirujuk berkaitan kesalahan yang dilakukan di luar sempadan, namun untuk mensabitkan seseorang lelaki dengan kesalahan berpakaian wanita atau menyerupai wanita (*tasyabbuh*) adalah amat sukar walaupun perbuatan mereka boleh mencemarkan imej negara dan agama Islam. Antara statut-statut tersebut ialah Kanun Keseksaan, Akta Kesalahan-kesalahan Di Luar Negara 1976, Akta Hasutan 1948 dan Akta Rahsia rasmi 1972 serta Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Di bawah Kanun Keseksaan, seseorang boleh dikenakan tindakan atas kesalahan yang dilakukan di luar Malaysia dan boleh didakwa di Malaysia di bawah Akta Kesalahan-kesalahan di Luar Negara 1976 di bawah kesalahan yang dipanggil “*extra territorial offences*” atau kesalahan-kesalahan di luar sempadan. Walaubagaimanapun kesalahan-kesalahan yang disenaraikan adalah merupakan kesalahan-kesalahan yang termaktub di bawah Akta Hasutan 1948 dan Akta Rahsia Rasmi 1972 iaitu kesalahan yang menyentuh kesalahan terhadap negara dan keganasan.

Di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 melalui seksyen 4 menyebut bahawa seseorang boleh dikenakan tuduhan di bawah akta ini dengan syarat orang tersebut telah diberi lesen di bawah Akta untuk memberi kemudahan atau perkhidmatan rangkaian berkaitan. Akta ini dan perundangan subsidiarinya terpakai di dalam dan di luar Malaysia. Dengan pengenaan beberapa syarat-syarat seperti mana yang berikut: (1), Akta ini dan perundangan subsidiarinya hendaklah terpakai bagi mana-mana orang di luar had geografi Malaysia dan perairan wilayahnya jika orang itu-(a) ialah pemegang lesen di bawah Akta ini; atau (b) memberikan kemudahan atau perkhidmatan yang berkaitan di bawah Akta ini di suatu tempat di dalam Malaysia. (3) Bagi maksud seksyen ini, "suatu tempat" ertinya suatu titik daripada apa-apa jenis atau perihalan sama ada di darat, di atmosfera, di angkasa lepas, di bawah tanah, di bawah air, di laut atau di mana-mana jua. (4) Bagi maksud seksyen ini, suatu tempat yang berada— (a) di atau di bawah stratosfera; dan (b) di atas had geografi Malaysia dan perairan wilayahnya, dianggap sebagai suatu tempat dalam had geografi Malaysia dan perairan wilayahnya. Walaubagaimanapun ia tidak terpakai untuk orang perseorangan yang melakukan kesalahan yang tidak memiliki lesen.

Isu Ketidakeragaman Undang-Undang

Jika dilihat daripada peruntukan-peruntukan di bawah Akta/Enakmen/Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah, kita akan dapati terdapat beberapa perbezaan dari aspek hukuman dan pembuktian kesalahan. Secara umumnya statut tersebut menyebut beberapa elemen umum yang perlu dibuktikan bagi mensabitkan seseorang lelaki Muslim dengan kesalahan memakai pakaian wanita atau menyerupai wanita (*tasyabbuh*). Antara elemen-elemen yang disebut ialah:

- i. Seseorang lelaki-pihak yang akan didakwa tersebut mestilah lelaki tulen

- ii. Memakai pakaian wanita-orang tersebut sedang memakai pakaian yang lazimnya dipakai oleh golongan wanita sahaja
- iii. Berlagak seperti wanita atau menyerupai wanita – selain memakai pakaian wanita, orang yang dituduh tersebut mestilah dibuktikan telah berlagak seperti wanita samada dari segi percakapannya, solekan, gaya berjalan dan lain-lain yang lazimnya hanya dilakukan oleh golongan wanita sahaja
- iv. Di tempat awam – seseorang tersebut hanya boleh ditangkap jika berpakaian seperti wanita di tempat-tempat awam dan dikunjungi ramai orang
- v. Tujuan yang tidak bermoral seperti menjual diri kepada pelanggan-seseorang tersebut hanya boleh didakwa jika sekiranya beliau berlagak seperti wanita bagi tujuan tidak bermoral atau lazimnya bagi tujuan maksiat atau lainnya.

Kesemua elemen ini adalah disebut di dalam peruntukan statut di bawah Enakmen/ Ordinan atau Akta Kesalahan Jenayah Syariah negeri-negeri dan perlu dibuktikan sebelum sabitan jenayah boleh dikenakan ke atas pesalah. Walaubagaimanapun jika diteliti setiap peruntukan tersebut di setiap negeri, terdapat ketidakseragaman berkaitan elemen pembuktian kesalahan tersebut. Pengecualian yang diberikan oleh enakmen di negeri Melaka ke atas lelaki yang berlagak seperti perempuan dengan alasan yang munasabah tidak disebut di negeri Pahang, Pulau Pinang, Wilayah Persekutuan dan Negeri Sembilan. Namun terdapat ketegasan di mana kesalahan itu hendaklah dibuat atas alasan yang tidak bermoral. Elemen ‘atas alasan yang tidak bermoral’ tidak langsung disebut di bawah Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah di negeri-negeri seperti Melaka, Sabah, Kelantan dan Negeri Sembilan. Manakala negeri Pahang menggantikan istilah ‘alasan yang tidak bermoral’ dengan ‘alasan tidak berakhlak’. Istilah ini dianggap sebagai tidak jelas kerana dibiarkan untuk bebas ditafsirkan oleh penguasa setiap negeri. Namun peruntukan ini boleh juga ditafsirkan sebaliknya yang mana selain daripada berpakaian bertentangan dengan jantina, tangkapan hanya boleh dibuat sekiranya lelaki yang berpakaian seperti wanita ini melakukan perbuatan yang tidak bermoral (Yuhaniza, O. *et al.*, 2015).

Di bawah Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah negeri Pahang, Pulau Pinang, Wilayah Persekutuan serta Negeri Sembilan mengenakan hukuman denda yang sama dengan Melaka iaitu dikenakan denda sebanyak RM1000. Hukuman penjara yang diperuntukkan oleh Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah negeri Pahang, Pulau Pinang dan Wilayah Persekutuan ialah hukuman penjara selama setahun. Manakala Negeri Sembilan dan Melaka mengenakan hukuman penjara yang berbeza iaitu tempoh penjara untuk kesalahan ini adalah 6 bulan. Jabatan Agama Islam juga Majlis Agama Islam di setiap negeri di Malaysia ini diberi kuasa untuk mengambil tindakan terhadap mak nyah dalam negeri masing-masing. Walau bagaimanapun bidang kuasa itu adalah amat terhad. Keadaan menjadi semakin parah bilamana peruntukan undang-undang yang ada adalah tidak seragam. Namun begitu, menurut temu bual yang dilakukan oleh Marziana, Sofiah dan Mustafa, (2014) dengan pegawai agama negeri, terdapat beberapa keluhan daripada pegawai-pegawai yang melaksanakan tanggungjawab mereka di bawah Enakmen Syariah negeri mengenai peruntukan perundangan sedia ada (Marziana *et al.* 2014). Ini kerana bidang kuasa mereka sangat terhad untuk membantu menangani masalah yang ada.

Ketidakteragaman yang berlaku menyebabkan tugas-tugas pendakwaan dan usaha untuk membendung jenayah ini menjadi sangat sukar. Menurut Mantan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Fuziah Salleh berkata, perkataan yang berbeza-beza dalam setiap enakmen di negeri-negeri dilihat menyukarkan pihak jabatan agama untuk mengambil tindakan

terhadap mereka. Bukan setakat perkataan, hukuman juga dilihat berbeza antara beberapa negeri yang boleh menyebabkan masalah dari aspek penguatkuasaan.

Isu Pertentangan dengan Hak Asasi Manusia

Kesalahan lelaki berpakaian wanita atau berlagak seperti wanita (*tasyabbuh*), seringkali dikaitkan dengan *transgender*. Golongan ini mendapat sokongan hebat daripada pelbagai pihak yang memperjuangkan hak asasi manusia termasuk memberi hak kepada mereka untuk mendapat kebebasan dalam berpakaian dan juga kebebasan-kebebasan lain tanpa sempadan. Perlembagaan Persekutuan Malaysia di dalam Bahagian 11 Perlembagaan Persekutuan di dalam Bahagian 11 (dari Perkara 5 sehingga perkara 13) menggariskan hak kebebasan individu antaranya adalah seperti Perkara 5 yang memberi hak kehidupan dan kebebasan diri terhadap setiap individu yang bermastautin di Malaysia. Perkara 8(1) pula menekankan hak kesamarataan di sisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan yang saksama dari segi undang-undang. Manakala Perkara 8(2) pula melarang berlakunya diskriminasi ke atas mana-mana warganegara sama ada dari segi agama, bangsa, keturunan, tempat kelahiran ataupun jantina. Kebebasan terhadap individu di Malaysia ini juga dipanjangkan lagi kepada Perkara 9(2) yang memberi kebebasan untuk bergerak.

Seperti yang kita sedia maklum, keputusan Mahkamah Persekutuan yang mengkas keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Rayuan baru-baru ini memberi kelegaan kepada umat Islam di seluruh Malaysia. Panel lima hakim Mahkamah Persekutuan yang diketuai Presiden Mahkamah Rayuan Tan Sri Md Raus Sharif dalam keputusan sebulat suara membenarkan bantahan kerajaan Negeri Sembilan dan lima lagi terhadap keputusan Mahkamah Rayuan sebelum ini (Harian Metro, Oktober, 2015). Ternyata, keputusan yang telah dibuat oleh Mahkamah Rayuan sebelum itu yang menyatakan bahawa Seksyen 66 Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992 adalah tidak sah dan bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan telah sedikit sebanyak mendatangkan kegelisahan yang tidak terhingga di kalangan umat Islam di Malaysia khususnya yang terlibat dalam bidang perundangan Syariah. Nurhafilah Musa (2018) telah menggariskan beberapa implikasi yang dijangkakan boleh berlaku sekiranya peruntukan dalam Enakmen Jenayah Syariah Negeri itu berkaitan diisytiharkan sebagai tidak sah. Antaranya ialah;

- i. Terdapat andaian bahawa peruntukan-peruntukan lain di dalam Enakmen Jenayah Syariah Negeri-negeri juga boleh diisytiharkan sebagai tidak sah kerana di anggap bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan seperti kesalahan meminum minuman yang memabukkan, kesalahan zina, liwat dan banyak lagi.
- ii. Menjatuhkan kedudukan dan kuasa Mahkamah Syariah dalam membicarakan dan mengadili kes-kes yang berkaitan dengan orang Islam sedangkan Perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan jelas menyebut bahawa Mahkamah Sivil tidak boleh mempunyai bidang kuasa berkenaan apa-apa perkara dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah
- iii. Golongan-golongan yang berkepentingan seperti golongan lelaki yang cenderung sifat mereka ke arah kewanitaan akan menggunakan hujah mengalami masalah “kecelaruan Identiti” (*Gender Identity Disorder*) bagi menghalalkan segala perbuatan mereka yang menyerupai wanita
- iv. Memberi peluang yang luas dan sewenang-wenangnya kepada golongan transgender yang memakai pakaian perempuan atau menyerupai seperti perempuan untuk berpakaian atau berlagak di mana-mana tempat awam kerana mereka tidak boleh ditangkap dan didakwa di Mahkamah Syariah atas nama kebebasan asasi

- v. Kewujudan golongan transgender ini akan bertambah kerana tiada undang-undang yang akan menyekat mereka daripada bebas mengekspresikan diri walaupun bertentangan dengan hukum syarak
- vi. Kebebasan asasi yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan akan menjadi kebebasan mutlak hakiki yang membolehkan sesiapa sahaja membuat sebarang perkara hatta menyalahi moral, undang-undang dan prinsip agama.
- vii. Membuka ruang bukan sahaja bagi golongan transgender, namun juga golongan-golongan lain seperti lesbian, gay, biseksual dan lain-lain atau lebih dikenali sebagai LGBT untuk menuntut hak-hak asasi mereka supaya diiktiraf
- viii. Menggalakkan golongan-golongan transgender untuk menuntut hak-hak yang tidak munasabah seperti mana yang berlaku di negara-negara luar seperti di Amerika Syarikat dan United Kingdom, yang menuntut hak perkahwinan sejenis dan lain-lain
- ix. Jika perkahwinan sejenis dibenarkan
- x. ,maka ini akan menjejaskan dan meruntuhkan institusi kekeluargaan dan kehidupan bermasyarakat di Malaysia
- xi. Masalah sosial yang bertambah melarat dan meruncing serta penyakit berbahaya akan menjadi semakin merebak dalam kalangan masyarakat di Malaysia
- xii. Tuntutan supaya Islam menerima golongan transgender akan membuka lebih banyak peluang dan ruang kepada doktrin dan fahaman liberalisme serta pelbagai lagi fahaman-fahaman lain yang melanggar norma positif masyarakat bertamadun.

Mahkamah Persekutuan melalui kes *Ooi Kean Thong & Anor lwn. PP* telah menolak hujah untuk menggunakan hak kebebasan diri bagi membatalkan undang-undang yang mengehadkan kebebasan tingkah laku di tempat awam. Hujah yang sama telah digunakan dalam kes *Muhamad Juzaili bin Mohd Khamis, Shukur bin Jani & Wan Fairol bin Wan Ismail lwn. Kerajaan Negeri Sembilan & Lain-lain*, dengan keputusan yang berbeza oleh mahkamah rayuan. Dalam kes ini tiga lelaki Islam telah dikatakan mengalami gangguan yang menurut istilah perubatan adalah gangguan identiti jantina (*Gender Identity Disorder* (GID)). Mahkamah menerima keterangan yang mengatakan disebabkan oleh gangguan ini mereka telah menzahirkan diri mereka sebagai wanita sejak kecil dan menunjukkan tingkah laku kewanitaan seperti memakai pakaian wanita, menggunakan solekan. Perlakuan tersebut selari dengan naluri semula jadi mereka.

Menurut fakta kes, lelaki yang berpakaian wanita di tempat awam merupakan suatu kesalahan dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah di Negeri Sembilan di mana tiga lelaki, iaitu perayu dalam kes ini, telah beberapa kali ditahan dan didakwa di bawah peruntukan undang-undang tersebut. Mereka berasa layanan sedemikian merupakan suatu ketidakadilan, selain memalukan mereka dan mengakibatkan mereka berasa “sengsara” dalam keadaan GID. Bahasa yang digunakan dalam mahkamah untuk menggambarkan perayu menggunakan laras bahasa perubatan dan bukan bahasa orang kebanyakan yang merujuk perayu sebagai pondan atau mak nyah. Hakim Mohd Hishamudin Yunus yang menyampaikan keputusannya berpendapat apabila sesuatu sekatan dikenakan terhadap kebebasan individu, mahkamah patut melihat sekatan itu sama ada munasabah atau tidak. Setelah menerima keterangan pakar perubatan bahawa perayu “sengsara” akibat gangguan identiti jantina bahawa perayu tiada pilihan dan tidak mampu mengubah perasaan yang dialami dan naluri yang dizahirkan dengan berpakaian wanita mahkamah berpandangan adalah tidak munasabah untuk undang-undang menyatakannya sebagai satu kesalahan. Hal yang mereka lakukan selari dengan naluri akibat daripada gangguan jiwa yang dialami.

RUMUSAN DAN CADANGAN

Dalam usaha menangani isu akhlak, perlu dinyatakan bahawa telah ada enakmen dan tatacara jenayah syariah yang mempunyai peruntukan berkaitan kesalahan lelaki berpakaian wanita atau menyerupai wanita (*tasyabbuh*) bagi menangani aduan, siasatan, tangkapan, prosedur sehinggalah kepada tatacara pendakwaan dan perbicaraan, namun ia dalam bentuk dan bahasa undang-undang yang teknikal dan panjang yang perlu diperhalusi dan ditambahbaik. Justeru untuk memudahkan operasi dan pemahaman tatacara dan prosedur, satu *standard operating procedure* (SOP) memang diperlukan bagi menghalusi lagi langkah-langkah penguatkuasaan dan pendakwaan (Siti Zubaidah, 2008: 540).

Badan legislatif negara perlu mengemukakan peruntukan-peruntukan baru yang bersifat komprehensif menyentuh tentang kesalahan-kesalahan melibatkan isu lelaki berpakaian wanita atau menyerupai wanita (*tasyabbuh*) yang terjadi di luar batas sempadan negara agar kesucian agama Islam tetap terpelihara dan imej baik negara sentiasa didokong sama seperti kesalahan-kesalahan jenayah yang lain yang boleh mengganggu gugat keharmonian dan keselamatan negara. Ini boleh dilaksanakan dengan menambahbaik atau mengadakan peruntukan-peruntukan yang relevan dengan kesalahan-kesalahan rentas sempadan yang terdapat di bawah statut-statut yang berkaitan. Akta Hasutan 1948, Akta Rahsia Rasmi 1972, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, Kanun Keseksaan perlu ditambahbaik dengan memasukkan kesalahan-kesalahan rentas sempadan yang melibatkan kesalahan-kesalahan yang membawa impak dan imej negatif kepada negara dan agama Islam.

Kuasa perundangan Syariah berkaitan hal ehwal orang Islam yang telah diperuntukkan kepada setiap negeri melalui Jadual Kesembilan, Senarai 2, Senarai Negeri Perlembagaan Persekutuan perlu dijaga dan dipertahan agar tidak dirobek sewenang-wenangnya dan diganggu-gugat oleh pihak-pihak yang berkepentingan atas nama memperjuangkan hak asasi manusia. Peruntukan undang-undang Syariah yang ada sekarang ini berkaitan *transgender* perlu dipelihara dan ditambah baik agar tidak dilihat bersikap diskriminasi hanya kepada golongan lelaki yang menyerupai wanita atau *transgender* sahaja. Usaha-usaha untuk memberi penjelasan berkaitan hak kebebasan dan tanggungjawab beragama kepada golongan ini perlu dipertingkatkan agar isu kebebasan hak manusia ini tidak disalahguna bagi menghalalkan perbuatan jenayah syariah yang berlaku kepada penganut agama Islam.

Usaha-usaha penyeragaman perundangan Syariah perlulah diberi perhatian serius oleh pihak kerajaan bagi memudahkan pelaksanaan undang-undang tersebut di setiap negeri dan juga mengelakkan kekeliruan kepada masyarakat. Tafsiran kesalahan-kesalahan dalam agama Islam perlu difahami, diperhalusi dan diperluas maksudnya bukan hanya setakat melanggar 'rukun-rukun Islam' seperti tidak menunaikan solat dan tidak berpuasa sahaja misalnya tetapi juga melibatkan segala kesalahan terhadap 'perintah agama Islam' yang meliputi akidah, syariah dan akhlak Islamiah. Seharusnya pindaan kepada Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 untuk memberikan bidang kuasa yang lebih luas kepada Mahkamah Syariah terutamanya dalam perkara jenayah termasuk penyeragaman peruntukan dan hukuman terhadap kesalahan jenayah syariah perlulah disokong dan dilaksanakan (Mohd Sabree, 2018).

PENUTUP

Kesalahan lelaki memakai pakaian wanita atau menyerupai wanita (*tasyabbuh*) adalah merupakan satu kesalahan jenayah syariah yang mendapat perhatian masyarakat bilamana ianya melibatkan golongan *transgender*. Isu-isu yang berkaitan dengan kesalahan yang sering

dikaitkan dengan golongan *transgender* ini perlulah ditangani sebaik mungkin kerana ia melibatkan kesucian dan keselamatan agama Islam dan negara. Cadangan-cadangan yang diutarakan sememangnya memerlukan perhatian untuk dilaksanakan sebaik mungkin oleh pelbagai pihak yang berkepentingan

RUJUKAN

- Ahmad Faris, Mu'jam Maqayis al-Lughah, (tahqiq) 'Abd al-Salam Harun. (Bayrut: Dar al-Jayl, 1411H), 3: 243.
- Amran, H, Fatimah, Y, Khadijah, A. (T.Th). Transeksualiti: Suatu Analisis daripada Perspektif Islam dan Perspektif Keluarga dalam Konteks Kesejahteraan Sosial. *Jurnal Perspektif*. Jil 5 Bil. 1. 39-52.
- Chan Lee Wei, A. B. (2012). Transgenderism In Malaysia. Retrieved September, 2020, from Dharmaramjournals: <http://www.Dharmaramjournals.In/ArticleDetail>.
- G25. 2016. *A Freedom Under Constitution*. [http://www.thestar.com.my/opinion/letters/2016/10/18/a-freedom-under-constitution/\[20 June 2017\]](http://www.thestar.com.my/opinion/letters/2016/10/18/a-freedom-under-constitution/[20 June 2017]).
[https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kerajaan-cadang-selaras-undangundang-syariah-berkaitan-transgender-186256\(capaian 07/10.2020](https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kerajaan-cadang-selaras-undangundang-syariah-berkaitan-transgender-186256(capaian 07/10.2020)
[https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/02/652482/tunai-umrah-tidak-ikut-jantina-asal-haram-berdosa-mufti\(capaian 06/10/2020\)](https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/02/652482/tunai-umrah-tidak-ikut-jantina-asal-haram-berdosa-mufti(capaian 06/10/2020)).
<https://www.hmetro.com.my/node/83509> (capaian 08/10/2020).
- Ibn Hajar, Shihab al-Din Ahmad bin 'Ali. 2013. Fath al Bārī fī Sharh saḥīḥ al-Bukhārī. Juz 28. Bayrut: Risālah al-Alamiyyah.
- Ibn Manzur, Lisan al-'Arab (Bayrut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, 1999), 7: 24
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (2015). Kompilasi Pandangan Hukum Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. Cet. Ke-5. Putrajaya: JAKIM.
- Jamil Habib al-Luwayhiq, al-*Tasyabbuh* al-Manhi 'anhu fi al-*Fiqh* al-Islami (Makkah: Jami'ah Umm al-Qura & Wizarah Ta'lim 'Ali, 1417H), 20.
Malaysia: satu analisis," *Jurnal Syariah*, Jil. 16 (Keluaran Khas). pp. 537-554.
- Marziana, A. Malib, Sofiah, D. M. and Mustafa, A. (2014) 'Gejala Transeksual: Implikasi Yang Membimbangkan, Bagaimana Keprihatinan Kita?', *Journal of Business and Social Development*, 2(2), 48-61. Available at: <http://jbsd.umt.edu.my/wp-content/uploads/sites/53/2014/11/6.pdf> (Accessed: 26 September 2020).
- Mohd Nasir, A. B, Irwan, M.S, Rafidah, H. M, Mohd Izwan, M.Y, Ummi Adzlin,S, Nurfatim, H. (2020). Mukhannas From The Perspective Of *Fiqh* And Medical: A Literature Study. *Perdana International Journal Of Academic Research (Social Sciences & Humanities)*. Vol. 8 No. 1 August Issue 2020, 10-20.
- Mohd Sabree Nasri. (2018). Akta 355 dan Perkembangan Bidang Kuasa Mahkamah Syariah Dalam Perkara Jenayah di Malaysia. *Journal of Law & Governance* Volume 1 (No. 1) 2018: 77-90.
- Norhafilah, M. (2018). Ulasan Kes State Government Of Negeri Sembilan & Yl Lwn Muhammad Juzaili Bin Mohd. Khamis & Yl (Mahkamah Persekutuan) [2015] 6 Mlj 736 Dan Muhammad Juzaili Bin Mohd. Khamis & Yl Lwn State Of Government Of Negeri Sembilan & Yl (Mahkamah Rayuan) [2015] 3 Mlj 513. *30 Kanun (1)*. Januari 2018: 214-222.
- Nur Farhana, A. Rahman, Nur Solehah, Shapiee. Autoriti Agama Di Malaysia: Kedudukan Dan Kritikan. *International Journal of Islamic Thought*. Vol. 14: (Dec.) 2018.

- Siti Amirah Akilah A.R, Hanisah A.R, Farahwahida M.Y. (2020). Transgender Di Malaysia. *UMRAN – International Journal of Islamic and Civilizational Studies*. vol. 6, no.3-2 (2020) pp. 67-77.
- Siti Zubaidah Ismail. (2008). “Dasar penguatkuasaan dan pendakwaan jenayah syariah di Sumber R&D (2016). *Isu Transgender: Suatu Tinjauan Umum*. Jabatan Agama Islam Selangor.
- Yuhaniza, Osman, Ida rahayu, M., Mimi Sofiah, A. M., Marziana, A. M. (2015). Lelaki Berpakaian seperti Perempuan: Antara Gender Identity Disorder, Undang-undang Syariah dan Perlembagaan Malaysia. *1st. International Islamic Heritage Conference, 2015*.

Rujukan Statut

- Akta Hasutan 1948
Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997
Akta Kesalahan-kesalahan Luar negeri 1976
Akta Komunikasi dan Multimedia 1998
Akta Rahsia Rasmi 1972
Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 1992
Enakmen Jenayah Syariah Kelantan 1985
Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991
Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992
Enakmen Jenayah Syariah Sabah 1995
Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 1996
Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Pahang) 2013
Kanun Keseksaan
Ordinan Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah 2001

Rujukan kes

- Muhamad Juzaili bin Mohd Khamis, Shukur bin Jani & Wan Fairol bin Wan Ismail lwn. Kerajaan Negeri Sembilan & Lain-lain, *Mahkamah Rayuan, Rayuan Sivil No. N-01-498-11/2012, 7hb November 2014*.
- Ooi Kean Thong & Anor v Public Prosecutor-[2006] 3 MLJ 389
State Government Of Negeri Sembilan & Yl Lwn Muhammad Juzaili Bin Mohd. Khamis & Yl (*Mahkamah Persekutuan*) [2015] 6 MlJ 736